

Tiada peraturan jawatan PM, MB kekal sepanjang hayat – Najib

UM - 12/9/2006

Oleh NAZRULLAH ROSLI
dan RADHUAN HUSSAIN

Setiap mereka yang menyandang jawatan sebagai pemimpin tertakluk kepada sokongan rakyat serta parti

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana
Menteri

BENTONG 11 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tidak ada peraturan dalam mana-mana parti yang menetapkan bahawa seseorang yang menjawat jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri boleh mengekalkannya sepanjang hayat.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, setiap mereka yang menyandang jawatan sebagai pemimpin tertakluk kepada sokongan rakyat serta parti.

Menurutnya, kedudukan se-

seorang pemimpin itu adalah juga tertakluk kepada kewibawaan serta kemampuan mereka sebagai pemimpin.

“Kita nak tengok apa usul sebenar yang dibuat oleh Arau (UMNO Bahagian Arau), sebenarnya tidak ada sistem pun atau peraturan seperti itu.

“Sebenarnya ia tertakluk kepada sokongan rakyat. UMNO tidak ada had umur atau had tempoh, ini tertakluk kepada sokongan rakyat, sokongan daripada parti dan juga kemampuan kita sendiri sebagai pemimpin,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis perasmian Felda

Jaya Mempaga dekat sini hari ini. Beliau diminta mengulas usul UMNO Bahagian Arau semalam yang mencadangkan agar jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri dikekalkan sepanjang hayat.

Cadangan tersebut, menurut ketua bahagian itu, Datuk Seri Shahidan Kassim, bagi mengelak berlakunya krisis kepimpinan di peringkat tertinggi pada masa depan.

Shahidan berkata, usul yang diluluskan itu akan dibawa ke Perhimpunan Agung parti November ini untuk mendapatkan maklum balas.